

03 JUN 2000

Sukma-Tutup

SUKAN MALAYSIA KE-8 DITUTUP SECARA RASMI

NIBONG TEBAL, 3 Jun (Bernama) -- Sukan Malaysia (Sukma) ke-VIII 2000, kejohanan pembuka tirai alaf baru yang terbesar pernah dianjurkan, malam ini ditutup secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Negeri Batu Kawan, di sini.

Kejohanan sukan peringkat kebangsaan selama 10 hari bermula 25 Mei itu disertai oleh 6,572 atlit dan jurulatih dari 19 kontinjen, termasuk 105 dari Brunei Darussalam yang turut menyertai kejohanan itu buat pertama kalinya.

Perdana Menteri dan isteri, Datin seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di stadium ini pada kira-kira pukul 9.30 malam diiringi oleh Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isterinya, Puan Sri Chui Kah Peng.

Sebaik tiba, pukulan rebana ubi dan gendang India kedengaran bergema di stadium itu sebelum beliau dan Koh menaiki "buggy" mengelilingi stadium sambil melambaikan tangan kepada para penonton, yang disambut dengan tepukan bergemuruh oleh ribuan hadirin.

Selain atlit, dianggarkan kira-kira 8,000 orang lagi pegawai dan sukarelawan terbabit dalam mengendalikan sukan itu.

Orang ramai mula membanjiri stadium mulai pukul 4 petang untuk menyaksikan upacara penutup berikutnya tidak mahu terlepas peluang memasuki stadium sepertimana yang berlaku pada perasmian kejohanan tempoh hari.

Acara malam ini dimulakan dengan persembahan Tarian Mutiara Pusaka oleh 420 pelajar sekolah-sekolah menengah di negeri ini dan diikuti dengan perbarisan lintas hormat kontinjen Sukma ke-VIII, yang didahului pasukan maskot "Bang Bayan" dan "Chombee".

Kontinjen Brunei Darussalam mendahului pasukan-pasukan yang mengambil bahagian pada kejohanan kali ini dan diakhiri oleh Kontinjen tuan rumah, Pulau Pinang.

Perdana Menteri turut menyampaikan anugerah Piala Perdana Menteri kepada pasukan Selangor Darul Ehsan yang muncul juara keseluruhan pada kejohanan kali ini manakala Allen Ong Hou Ming, 20, dari Perak diumumkan sebagai Olahragawan Sukma ke-VIII dan Sia Wai Yen, 16, dari Kuala Lumpur sebagai Olahragawati pada kejohanan itu.

Majlis itu turut disaksikan oleh Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishamuddin Tun Hussein, Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Haji Sukam dan orang kenamaan yang lain.

Keadaan cuaca malam ini baik dan Stadium Negeri yang bernilai RM104 juta dan baru sahaja disiapkan untuk penganjuran Sukma ini dipenuhi kira-kira 40,000 penonton untuk menyaksikan pelbagai acara yang disusun penganjur sempena majlis penutupan kejohanan itu.

Bendera kejohanan juga diturunkan dan diserahkan kepada tuan rumah Sukma IX 2002, Sabah oleh Perdana Menteri diikuti dengan persembahan kebudayaan masyarakat negeri itu.

Sebanyak 35 acara dipertandingkan di 26 gelanggang di seluruh negeri yang membabitkan kesemua lima daerah di negeri ini untuk merebut 307 pingat emas.

Pada masa yang sama acara penutup penuh gilang gemilang itu disiarkan secara langsung oleh RTM ke seluruh negara.

-- BERNAMA

ZU zb